


→ MUKA DUA

PM ulangi pendirian isu Baitulmaqdis



Najib dan Abdulla Yameen menyaksikan MoU antara Reezal dan Mohamed Asim (kanan) di pejabat Presiden, semalam.

→ Najib bincang pelbagai perkara dalam pertemuan dengan Presiden Maldives

Oleh **Nik Imran Abdullah**
bhnews@bh.com.my

► **Maie (Maldives)**

Datuk Seri Najib Razak mengulangi pendirian Malaysia membantah sekeras-kerasnya keputusan Amerika Syarikat (AS) mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia amat jelas dan kekal menentang perisytiharan sebelah pihak pentadbiran AS berhubung isu Baitulmaqdis.

"Berhubung isu ini (Baitulmaqdis), kita menolak sekeras-kerasnya keputusan menjadikan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Presiden Maldives, Abdulla Yameen Abdul Gayoom di pejabat Presiden di sini sempena lawatan kerja dua

harinya ke Maldives yang berakhir semalam.

Perdana Menteri turut mengadakan mesyuarat bersama Abdulla Yameen sebelum menghadiri mesyuarat dua hala bersama delegasi menteri dan pegawai kanan Malaysia-Maldives.

Berhubung isu Rohingya, Najib berkata, beliau sudah memaklumkan kepada Abdulla Yameen bahawa Malaysia melakukan segala yang mungkin untuk meringankan penderitaan pelarian etnik itu.

"Pendirian kita amat jelas dan sesuatu (yang) positif harus dilakukan bagi memastikan penindasan terhadap etnik Rohingya dihentikan. Mereka harus dibenarkan pulang ke kampung halaman," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia masih belum melihat sebarang perkembangan positif selepas Myanmar menyatakan komitmen mereka dalam menyelesaikan isu Rohingya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia dan Maldives berkongsi pendirian sama dalam usaha memerangi keganasan dan ekstremisme, terutama ideologi jahat Daesh.

Najib berkata, Presiden Maldives ada membuat kenyataan ketika mesyuarat bahawa beliau menganggap Malaysia sebagai model pembangunan ekonomi.

"Kenyataan ini amat penting ke-

pada kita dan saya secara peribadi mengucapkan terima kasih kepada Presiden Maldives kerana memberi keyakinan kepada Malaysia bahawa kita berada di landasan yang betul," katanya.

Kerjasama bangun produk halal

Perdana Menteri turut membangkitkan mengenai kerjasama membangunkan produk halal dan perkhidmatan termasuk pelancongan Islam ketika pertemuannya dengan Presiden Maldives.

"Kita boleh bekerjasama dalam mengeksport (produk halal) ke negara ketiga. Kita juga boleh bekerjasama dalam kewangan Islam kerana Malaysia mempunyai kepakaran dalam bidang itu di peringkat global," katanya.

Malaysia dan Maldives turut menandatangani empat memorandum persefahaman (MoU) di pejabat Presiden membabitkan kerjasama dalam aspek memadam kebakaran dan latihan menyelamat yang ditandatangani oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Menteri Pertahanan dan Keselamatan Maldives, Adam Shareef.

MoU dalam perubatan pula ditandatangani Menteri Kesihatan, Datuk Seri S Subramaniam dan Menteri Kesihatan Maldives, Abdulla Nazim Ibrahim. MoU untuk

menubuhkan pusat budaya Maldives di Malaysia ditandatangani Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan Menteri Luar Maldives, Dr Mohamed Asim.

MoU keempat membabitkan bidang pendidikan pula ditandatangani Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Pendidikan Maldives, Dr Aishath Shiham.

Kukuh solidariti ummah

Sementara itu, Abdulla Yameen berkata, sebagai dua negara Islam yang cintakan keamanan, kedua-dua negara setuju meningkatkan kerjasama dan usaha mengukuhkan lagi solidariti ummah dan mempromosikan nilai Islam sebenar.

Sementara itu, bercakap kepada wartawan Malaysia selepas mengakhiri lawatan rasminya di Lapangan Terbang Antarabangsa Velana, Hulhule, Najib berkata, kerajaan memberi jaminan untuk membantu syarikat Malaysia memperoleh pembiayaan tambahan bagi menyiapkan projek pembinaan di Maldives.

Beliau berkata, projek itu membabitkan pembinaan pelbagai kompleks untuk Kementerian Kewangan Maldives.

"Kerajaan Maldives melihat projek itu sangat penting untuk negara mereka," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewa-

ngan, berkata pemaju projek dari Malaysia, WZR memerlukan dana suntikan tambahan berjumlah AS\$155 juta (RM631 juta) dari Exim Bank.

"Ia masih dalam pertimbangan Exim Bank. Apabila saya kembali nanti, saya akan berbincang dengan bank mengenai kaedah bagaimana projek ini dapat dilaksanakan," katanya.

Najib berkata, Malaysia berte-rima kasih kepada kerajaan Maldives kerana memberi peluang kepada syarikat Malaysia untuk ter-babit dalam sektor pembinaan negara itu.

Beliau berkata, projek penting lain di Maldives dianugerahkan kepada syarikat Malaysia, Sime Darby untuk membina hospital swasta 300 katil sebagai sebahagian daripada pembangunan di pusat pertumbuhan baharu.

Sebagai balasan, Najib berkata Malaysia bersedia membantu Maldives dalam bidang pembangunan sumber manusia dengan memberi kursus jangka pendek kepada rakyat negara itu di bawah program kerjasama teknikal Malaysia.

Katanya, beliau turut menca-dangkan supaya langkah tertentu diambil untuk memberi pengiktirafan bersama terhadap institusi pengajian tinggi (IPT) dan penun-tut warga Maldives dalam jurusan sarjana perubatan yang belajar di Malaysia.

WAKTU SOLAT

IBADAT & FADILAT

Muawiyah RA berkata bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Golongan muazin (bilal) ialah orang yang paling jenjang lehernya (supaya nampak keistimewaan mereka) pada hari kiamat." (HR Muslim)

Kawasan	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	6:02	1:19	4:40	7:11	8:25
Alor Setar	6:02	1:19	4:40	7:11	8:26
P. Pinang	6:00	1:19	4:41	7:12	8:27
Ipoh	5:57	1:17	4:39	7:12	8:27
Kuala Lumpur	5:52	1:14	4:37	7:10	8:25
Shah Alam	5:52	1:14	4:37	7:10	8:25
Johor Bahru	5:40	1:06	4:29	7:05	8:20
Kuantan	5:45	1:08	4:31	7:06	8:20
Seremban	5:48	1:12	4:36	7:11	8:25
Bandar Melaka	5:47	1:12	4:35	7:10	8:25
Kota Bharu	5:58	1:12	4:33	7:04	8:14
K. Terengganu	5:48	1:08	4:29	7:01	8:16
Kota Kinabalu	4:58	12:16	3:37	6:09	7:23
Kuching	5:15	12:41	4:04	6:40	7:55

PILIHAN TERTINGGI

BH ONLINE

- Demi ibu, Najwa pilih universiti tempatan
- PDRM dedah 30 syarikat tipu pelabur
- Bapa murid belum cadang saman Cikgu Azizan
- Remaja dituduh bunuh along
- Malaysia kecewa AS guna kuasa veto